

**PERANAN BAHASA KEBANGSAAN  
DALAM PENGEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN  
DAN TEKNOLOGI**

**Mohd. Raman Daud**  
*Majlis Bahasa Melayu Singapura*

BAHASA Kebangsaan Singapura ialah bahasa Melayu. Perlembagaan Singapura juga menetapkan bahawa bahasa Melayu dan tiga bahasa yang lain, iaitu Cina (Mandarin), Tamil dan Inggeris adalah bahasa rasmi.

Demi menjadi pusat antarabangsa di segi perdagangan, kewangan dan lalulintas udara dan laut, Singapura memberikan bahasa Inggeris tempat yang amat penting. Ia menjadi bahasa kerja dan bahasa pengantar utama di sekolah dalam rangka dasar dwibahasa (Inggeris dan bahasa ibunda yang sama ada Melayu, Cina, Tamil dan yang lain). Inggeris juga bahasa pengantar utama dalam urusan pemerintah. Taraf dominan bahasa Inggeris memang ketara dalam segala aspek kehidupan Singapura, terutama dalam bidang penyaluran maklumat.

Di peringkat nasional, bahasa Melayu tetap digunakan dalam upacara rasmi seperti dalam pemerintah perbarisan dan didaulatkan dalam Lagu Kebangsaan. Terakhir ini, para pemimpin dan pegawai tinggi pemerintah mengutamakan penguasaan bahasa Melayu, khusus dalam urusan mereka dengan negara-negara berbahasa Melayu di rantau Asia Tenggara.

**TANDA JATIDIRI**

Hari ini, masyarakat Melayu membentuk 15 peratus (%) penduduk Singapura yang berjumlah 3.4 juta orang itu. Jika disusur asal keturunan mereka, majoriti berasal dari Jawa, Bawean dan lain-lain daerah Nusantara. Bagaimanapun, perbezaan ini kian terhakis hasil perkahwinan dan persekolahan serta penggunaan bahasa Melayu. Sistem madrasah (sekolah

agama) dan sekolah Melayu yang dimulakan pada pertengahan abad ke-19 itu menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar utama.

Perangkaan (*Census*) Penduduk 1990 menunjukkan bahasa Melayu digunakan oleh lebih 90 peratus orang Melayu di rumah dan dalam pertuturan sesama mereka. Ini adalah kadar tertinggi di segi penggunaan bahasa ibunda dalam sesebuah kaum di Singapura. Aspek ini juga menjelaskan bahawa orang Melayu menganggap bahasa Melayu itu mencerminkan jati dirinya.

Satu lagi unsur pengukuhan jati diri ialah dasar berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya pemerintah. Dasar ini dijadikan teras penakatan nasional. Pemerintah Singapura menggalakkan setiap kaum memelihara dan memperkaya ciri-ciri warisannya, termasuk bahasa. Dalam rangka inilah juga bahasa dan kebudayaan Melayu dapat berkembang di Singapura.

## **PERANAN BAHASA MELAYU**

### **1. PERINGKAT SEKOLAH**

Di segi penyebaran ilmu, bahasa Melayu telah digunakan dalam semua mata pelajaran di sekolah Melayu dan sebahagian mata pelajaran di madrasah sejak pertengahan abad ke-19.

Namun sekolah Melayu pupus dalam pertengahan 1970-an. Ini kesan tindakan ibu bapa Melayu yang lebih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Peluang pekerjaan yang lebih baik hasil penguasaan bahasa Inggeris merupakan salah satu faktor pendorong keputusan ibu bapa dan juga ibu bapa lain di Singapura.

Hari ini di sekolah biasa (sekular), bahasa Melayu ditawarkan sebagai bahasa ibunda. Majoriti penuntut mengambilnya sebagai bahasa kedua, iaitu selepas bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama. Tetapi bagi penuntut yang tergolong sebagai 10 peratus terbaik di sekolah, mereka dapat mengambilnya sebagai bahasa pertama.

Apakah yang dipelajari menerusi bahasa Melayu di sekolah Singapura hari ini?

- **SEKOLAH RENDAH/DASAR**

Umumnya, untuk darjah satu (kelas dasar) sehingga enam, bahasa Melayu diajarkan demi mengembangkan daya berfikir, menghayati tatabahasa, kemahiran bertutur dan menulis serta berkomunikasi. Selain buku teks dan buku kerja bahasa, murid memanfaatkan teknologi pandang dengar dalam mempelajari bahasa seperti rancangan televisyen pendidikan, pita kaset, video dan kini pula sedang dirancang penerbitan *laser disc* dan *CD-Rom*.

- **SEKOLAH MENENGAH**

Pada peringkat sekolah menengah, murid yang mengambil bahasa Melayu akan diajar ilmu yang lebih beragam berbanding dengan peringkat sekolah rendah. Terdapat dua aliran di sekolah menengah iaitu ekspres (penuntut yang lebih cerdas) dan normal.

Antara ilmu yang diajarkan menerusi pengajaran bahasa Melayu di sekolah menengah ialah kesihatan dan kebersihan diri, perihal negara jiran dan dunia, alam seni dan budaya. Bahan pengajaran yang digunakan meliputi buku teks, buku kerja, pita kaset, video (untuk drama atau persembahan budaya misalnya), kad gambar, transparensi (lutsinar) dan tidak lama lagi pula, terdapat CD-Rom dan laser disc demi pembelajaran yang lebih berkesan.

Keseluruhannya, aspek-aspek kebudayaan Melayu menjadi pati utama dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah Singapura.

- **MADRASAH**

Bilangan penuntut Melayu di madrasah sepenuh masa sekitar 3,000 orang saja. Dalam tahun-tahun awal, madrasah sepenuh masa menawarkan mata pelajaran dalam bahasa Melayu dan Arab. Namun sejak akhir 1960-an, bahasa Inggeris telah diperkenal dalam sukatan pelajaran di madrasah. Demi memastikan lulusan madrasah dapat diserap oleh pasaran, bilangan mata pelajaran dalam bahasa Inggeris telah ditambah seperti matematik dan sains yang dulunya diajarkan dalam bahasa Melayu.

Sekitar 15,000 lagi anak Melayu-Islam berusia antara enam hingga 16 tahun pula menuntut di madrasah masjid terutama pada hujung minggu. Selain bahasa Arab, kesemua mata pelajaran disampaikan dalam bahasa Melayu.

Jelaslah, bahasa Melayu penting dalam pengembangan Islam di Singapura, terutama di peringkat madrasah. Ia juga digunakan dalam pengajaran Ilmu Pengetahuan Islam yang diberikan sebagai opsyen (pilihan) selepas waktu sekolah. Kebanyakan khutbah dan syarahan agama masih lagi disampaikan dalam bahasa Melayu.

## 2. SALURAN MAKLUMAT

Peranan bahasa Melayu di Singapura dalam bidang keilmuan dan sedikit sebanyak teknologi juga terpapar dalam media, iaitu televisyen radio dan akhbar dan kini pula Internet (rangkaian komputer).

Singapura adalah negara pertama dalam rantau yang secara rasmi menggunakan sebutan baku untuk media elektronik dan juga pelajaran bahasa Melayu di sekolah.

- **TELEVISYEN**

Rancangan Melayu kini tertumpu dalam saluran 12 Pertama (Prime 12). Saluran ini juga menampung rancangan India (Tamil dan Hindi) serta Inggeris. Dalam rancangan bersifat majalah atau dokumentari khususnya, terpapar penggunaan bahasa Melayu dengan sebutan baku yang menurut Menteri Negara Kanan (Pendidikan) Haji Sidek Saniff, telah mencapai taraf yang membanggakan.

Rancangan popular seperti *Tinjauan*, iaitu liputan ehwal semasa, menampilkan pelbagai aspek keilmuan seperti sudut psikologi dan sosiologi, kewangan dan ekonomi. Dalam rangka inilah, istilah-istilah terkini dalam bahasa Melayu diperkenal dan dipopularkan. Manakala rancangan sains atau dokumentari mendorong penggunaan istilah sains.

- **RADIO**

Tidak syak siaran radio aliran Melayu, WARNA, terutamanya dan RIA serta Radio Heart, telah membantu dalam mempopularkan sebutan baku. Sementara radio Singapura Internasional pula memperkenalkan sebutan baku dan rancangan bersifat majalah dan hiburan ke seluruh Nusantara.

WARNA mempunyai bilangan pendengar yang besar di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Ia menyajikan rancangan sains dan yang bersifat majalah (magazine) yang sekaligus menyebarkan ilmu. Rancangannya yang bersifat bahasa dan budaya (terutama berbalas pantun) juga amat digemari ramai sehingga diikuti sejauh Australia.

Radio RIA pula adalah stesen hiburan khas untuk belia. Terdapat adunan lagu Inggeris dan Melayu dalam siarannya. Berbeza dengan WARNA yang lebih serius untuk pendengar dewasa dan komunikasi umumnya, RIA lebih banyak menampilkan hiburan demi menuruti

selera anak muda.

Radio Heart pula adalah siaran gerakan buruh Singapura. Siarannya dalam empat bahasa yang menampung ehwal semasa terutama isu-isu kesatuan sekerja sehinggalah hiburan.

Dalam upaya Singapura mendampingi rantau Asia-Pasifik, lahirlah Radio Singapura Internasional (RSI). Ia ke udara dalam gelombang pendek bagi tiga bahasa utama -- Inggeris, Mandarin dan Melayu. Sejak dimulakan tiga tahun lalu, RSI bahagian Melayu ke udara dalam sebutan buku. Rancangannya bertujuan memperkenalkan Singapura. Ia meliputi ehwal semasa, hiburan, ekonomi dan sains. Berdasarkan maklum balas yang diterimanya, RSI memang popular di kalangan pendengar Indonesia, orang Melayu Singapura yang berada di luar negara dan juga pendengar Malaysia dan Brunei Darussalam sehinggalah Afrika Selatan. Ia juga menerbitkan majalah triwulan.

#### • MEDIA CETAK

Singapura pernah menjadi pusat media cetak berbahasa Melayu rantau ini. Namun sejak 1965 hingga kini, hanya sebuah akhbar harian yang ada di republik itu iaitu Berita Harian/Berita Minggu. Dalam pada itu, memang ada beberapa akhbar/tabloid mingguan seperti Anika yang tidak dapat bertahan lama. Beberapa majalah berbahasa melayu juga muncul sejak merdeka tetapi tidak bertahan lama. Antara sebab-sebabnya ialah kurang iklan dan daya beli orang Melayu yang rendah. Mentelah lagi, ramai orang Melayu menguasai bahasa Inggeris dan dapat membaca bahan dalam bahasa Inggeris. Dalam pada itu, majalah berbahasa Melayu dari Malaysia dan Indonesia agak mudah didapati di Singapura.

Berita Harian mula terbit dalam 1957 secara serentak di Kuala Lumpur dan Singapura. Namun sejak 1972, Berita Harian Singapura berfungsi sendirian. Daripada jumlah edaran (opla),

sekitar 8,000 naskhah pada 1971, ia kini mencapai edaran hampir 71,000. Ertinya, tiga daripada empat orang Melayu di Singapura membacanya.

Berita Harian dapat mencerminkan peranan bahasa Melayu dalam pengembangan ilmu dan teknologi, walaupun secara terbatas. Di segi laporan berita semasa sehinggalah berita sukan atau rencana khusus seperti ruangan sains, ia menyampaikan perkembangan ilmu dan teknologi terkini. Adakalanya, ia menciptakan istilah-istilah yang tidak terdapat dalam keputusan Mabbim, sekadar contoh:

Lelapang = common area

Kolong flat = void deck of flat

Bas tabung = one-man-operated bus (bas ini tidak mempunyai kelindan atau konduktor; penumpang membayar tiket dengan memasuki wang dalam tabung dan menekan butang khas

Istilah-istilah yang dihasilkan oleh Berita Harian tidak semestinya terpakai luas. Terkadang ada juga perbezaan kecil, misalnya, istilah Berita Harian dengan Istilah yang digunakan oleh berita radio/televisyen. Bagaimanapun, memandangkan pembaca Melayu lebih mesra dengan istilah yang sudah dicetak, sering istilah Berita Harian digunakan secara meluas.

Berita Harian juga menjadi rujukan di kelas, terutama ruangan *Sayang Disayang* yang memuatkan karya murid sekolah dasar/rendah. Terakhir ini ruangan *Bahasa dan Budaya* pula memuatkan polemik kata pemerli 'ialah' dan 'adalah'.

Ruangan yang paling sukar tentulah sains kerana umumnya pembaca Melayu lebih selesa dengan istilah Inggeris. Untuk ini, susunan ayat rencana sains dipermudah; makna istilah Inggeris diberikan dengan istilah Melayu.

Pertumbuhan sastera/persuratan Melayu juga amat erat dengan Berita Harian/Berita Minggu. Hal ini mencetuskan jolokan 'sastera akhbar'. Sejak pertengahan 1970-an Singapura memulakan tradisi 'Hadiah Sastera' yang berteraskan bahan-bahan berupa sajak, cerpen dan

esei daripada akhbar; selain skrip drama yang telah dipentaskan dan novel yang sudah diterbitkan. Hakikat ini menjelaskan betapa ilmu karang-mengarang Melayu telah dapat dikembangkan di Singapura menerusi kewujudan Berita Harian/Berita Minggu.

Pada 9 Mac yang baru lalu, Berita Harian/Berita Minggu melancarkan kehadirannya di Internet. Ia Menyertai akhbar-akhbar bahasa Melayu rantau ini, bermula dengan Utusan Malaysia, yang kini dapat dibaca menerusi ruang siber (cyberspace).

## **KETERBATASAN DAN POTENSI**

### **• TINGKAT EKONOMI**

Peranan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam pengembangan ilmu dan teknologi memanglah amat terbatas di Singapura. Hal ini telah diterangkan iaitu pada peringkat awal, Singapura mengutamakan bahasa Inggeris demi penakatan ekonominya. Mentelah lagi, orang Melayu adalah minoriti yang rendah pula 'daya beli'-nya.

Namun, potensi bahasa Melayu meningkat apabila ekonomi Singapura berkembang maju yang turut membolehkan orang Melayu menikmati pendapatan dan taraf hidup tinggi.

Dalam pertengahan dekad 80-an sehingga kini, orang Melayu aktif dalam soal jual-beli hartanah dan saham. Hasil penghayatan Islam yang kian meningkat, mereka juga semakin berminat terhadap produk kewangan berlunaskan Islam seperti insurans takaful. Keinginan ini telah mendorong bahan-bahan cetak atau maklumat mengenai produk kewangan dan pelaburan disampaikan dalam bahasa Melayu.

Selain pemerintah, syarikat swasta turut menghasilkan rencana dan risalah yang membentangkan analisis dan produk kewangan dalam bahasa kebangsaan.



Ada kemungkinan besar sistem kewangan tanpa faedah akan diperkenalkan di Singapura tidak lama lagi. Ini ekoran kejayaan Amanah Saham Mendaki (amanah saham pertama di Singapura yang dikendalikan berlandaskan Islam) dan insurans takaful (yang dikendalikan oleh dua gabungan syarikat). Ertinya, akan lebih banyak bahan analisis kewangan yang disampaikan dalam Bahasa Kebangsaan Singapura.

Pada tahun lalu, timbul gagasan penumbuhan dana untuk membolehkan orang Melayu turut melabur di luar Singapura. Ini sejajar dengan dasar penyerantauan (regionalisation) pemerintah. Proses mendapatkan sokongan 130,000 pekerja Melayu/Islam itu tentulah menuntut suatu usaha seranta yang bijak. Dalam hal ini, Bahasa Kebangsaan akan dikembangkan dalam risalah atau brosur, buku panduan dan sebagainya demi menerangkan kepada orang Melayu soal risiko pelaburan dan sebagainya.

Hujah yang jelas di sinilah ialah kedudukan ekonomi dan permintaan orang Melayu Singapura di segi pelaburan telah mendorong pengembangan bahasa Melayu secara langsung. Hal ini berlaku walaupun kian ramai orang Melayu dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris. Tetapi mengapa mereka mahukan bahasa ibunda mereka berkembang?

- **SELAGI SETIA**

Hasil analisis Banci Penduduk (Census) Singapura 1990 menunjukkan darjah 'keselesaian' orang Melayu terhadap bahasa ibundanya adalah tinggi. Di samping itu, tinjauan Radio WARNA dan Berita Harian/Berita Minggu menunjukkan bilangan pendengar dan pembaca yang bertambah dan hampir mencapai takat tepu (saturation limit).

Jelaslah orang Melayu Singapura masih cenderung bertutur bahasa Melayu di rumah atau sesama mereka, termasuk ketika dalam urusan formal. Kesedaran terhadap imej warisan juga merupakan faktor peneguh kesetiaan mereka terhadap bahasa Melayu.

Bagaimanapun, ada hujah lain yang didakwa melemahkan aspek 'kesetiaan' itu. Sandaran hujah ini ialah pelajar Melayu perlu menguasai bahasa Inggeris demi berjaya dalam pendidikan. Kongres Mendaki 1982 dan 1989 serta kajian-kajian lain menunjukkan pertalian langsung antara penguasaan bahasa Inggeris dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Tetapi ada hujah sanggahan, juga berdasarkan kajian, bahawa penuntut Melayu yang cemerlang dalam bahasa Inggeris dan ibundanya didapati berjaya dalam subjek Sains dan Matematik. Tegasnya, soal yang perlu dititikberatkan ialah keseimbangan penguasaan dwibahasa.

#### • **MERANGKAI DIASPORA**

Kejayaan dasar dwibahasa Singapura juga disebut-sebut oleh kalangan pemerhati, terutama firma-firma kajian daya asing antarabangsa sebagai salah satu unsur keistimewannya.

Penguasaan bahasa Inggeris pekerja Singapura yang mahir juga salah satu faktor yang menarik pelabur antarabangsa menanam modal dan menumbuhkan markas operasi serta penyelidikan dan pengembangan (R&D) di Singapura.

Dalam rangka penyerantauan Singapura ke China, para pengusaha Cina Singapura yang mahir dalam Mandarin itu mendapati mudah berurusan di sana. Seyogianya diketahui, diaspora Cina sekitar 53 juta orang (di luar tanah besar China). Kini diaspora itu disuburkan dengan kontak yang cukup luas, termasuk di Internet, dan Mandarin lebih sering digunakan dalam urusan komunikasi.

Bagaimana pula dengan diaspora Melayu?

Hakikat bahawa rumpun Melayu membentuk diaspora yang agak besar telah lama diperkatakan. Potensi jalinan ras, budaya dan bahasa yang menjurus ke arah urusan ekonomi dalam diaspora Melayu memanglah cerah, tetapi belum cukup dimanfaatkan. Sehubungan ini, para karyawan dan generasi muda Melayu Singapura kian sedar bahawa dengan menguasai bahasa Melayu, lebih selesa dan mudah bagi mereka menghubungi rakan dagang serumpun yang lain.

Baru-baru ini, beberapa golongan usahawan Melayu Singapura telah bercadang untuk mewujudkan rangkaian perhubungan di Internet iaitu daftar usahawan Melayu di seantero dunia. Semoga perhubungan itu berlaku secepat mungkin dalam bahasa Melayu.

- **INTERNET**

Potensi Internet, rangkaian komputer sedunia, dalam pengembangan bahasa telah lama diperkatakan. Terdapat anggapan sepihak bahawa Internet hanya menguntungkan bahasa Inggeris. Ini suatu reaksi lumrah kerana para pengasas Internet adalah mahaguru dan pakar yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Sememangnya mereka merancang untuk menjadikan Internet wadah bahasa Inggeris, mengukuhkannya lagi sebagai pengantar sejagat.

Namun menyusuri Internet, kita akan dapati bahasa-bahasa lain juga boleh 'hidup' di dalamnya. Ini termasuklah bahasa Melayu. Sekadar makluman, Singapura telah memberi sumbangan unit iaitu sofwe Tamil yang pertama dan dapat digunakan dalam Internet.

Rantau berbahasa Melayu Asian Tenggara akan berkembang maju. Peningkatan ekonomi bererti kian ramai yang mampu mendapatkan akses kepada Internet. Media berbahasa Melayu juga akan memanfaatkan Internet. Keseluruhan perkembangan ini, tidak dapat tidak, akan turut mendorong orang Melayu Singapura berkomunikasi dengan pengguna bahasa Melayu rantau ini menerusi Internet. Banyak pertubuhan Melayu di Singapura, termasuk guru

agama Islam dan juga Berita Harian/Berita Minggu kini cuba memanfaatkan Internet. Khidmat Kampungnet dalam bahasa Inggeris dan Melayu, mengenai aspek-aspek kehidupan orang Melayu Singapura yang diperkenalkan Julai 1995, kini diiktiraf dalam Pavilion Budaya Antarabangsa. Sekaligus ini akan mengembangkan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan Singapura, dalam ruang siber (*cyberspace*).

Bagi Mabbim, tentulah manfaat Internet besar sekali dalam membentuk 'bank' rujukan, penyiaran maklumat dan keputusan terkini mengenai istilah atau aspek-aspek bahasa baku. Marilah kita bergerak ke arah ini. Bahkan apabila 'tele-conferencing' (sidang menerusi televisyen) dapat dilakukan secara lebih ekonomis menerusi Internet, bayangkanlah kesannya kepada pelbagai sidang penting, termasuk Mabbim. Banyak masa, tenaga dan kos dapat diijimatkan kerana para peserta tidak perlu keluar negara untuk sekadar menghadiri sidang sehari dua.

## **KESIMPULAN**

Bahasa Melayu masih subur di Singapura. Dalam pertemuan masyarakat Melayu, pemimpin bukan Melayu akan cuba berucap dalam bahasa Melayu. Ia masih digunakan dalam pengumuman di lapangan terbang (bandara) sehinggalah Pengangkutan Gerak Cepat (MRT).

Kertas kerja ini cuba menjelaskan peranan Bahasa Kebangsaan Singapura yang saling menentu dan menyokong faktor-faktor berikut:

- keperluan perlembagaan yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi Singapura;
- dasar dwibahasa Singapura;
- tanda jati diri orang Melayu di Singapura yang cukup kental sehingga memungkinkan sebutan baku dilancarkan secara rasmi;

- peningkatan taraf ekonomi orang Melayu Singapura yang mendorong peluasan penggunaan bahasa Melayu seperti dalam risalah/rencana produk kewangan;
- kedudukan Singapura dalam rantau berbahasa Melayu yang dinamis; dan,
- jalinan orang Melayu Singapura dengan diaspora Melayu yang berpotensi di segi ekonomi.

Pengalaman unik Singapura dalam mengembangkan bahasa Inggeris tetapi membela bahasa ibunda sebagai pemantap budaya (*cultural ballast*) telah membantu peneguhan bahasa Melayu. Terdirinya Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang kian cergas dalam usaha perancangan dan pembinaan bahasa Melayu itu menjadi bukti peneguhan ini.

Persoalan yang besar bagi bahasa Melayu Singapura ialah mutu penggunaannya. Setakat manakah pengguna Melayu mendisiplinkan dirinya dengan bahasa Melayu yang baku dan sebaik mana penguasaan bahasa Melayu pelajar Singapura berbanding dengan rakan-rakannya di negara anggota Mabbim yang lain? Apakah pula rancangan MBMS dalam melahirkan para bahasawan yang bertaraf? Untuk menjawab semua persoalan ini, banyak kajian dan perancangan serta pembiayaan perlu dilaksanakan. Yang pasti, laluan ke arah masa depan yang cerah untuk bahasa Melayu di Singapura tetap ada.

Sekian.